

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN CHAN MING KAI [ALOR SETAR]

TARIKH : 25 OGOS 2020 (SELASA)

SOALAN

TUAN CHAN MING KAI [ALOR SETAR] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan di setiap penjara dan depot :

(a) berapa jumlah terkini banduan, tahanan dan reman mengikut kaum, umur, jantina dan negara asal; dan

(b) reman yang paling lama sehingga kini adalah berapa tahun dan mengapa sekian lama masih dalam tahanan reman.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan rekod Jabatan Penjara Malaysia sehingga 29 Jun 2020, jumlah penghuni yang sedang menjalani hukuman dan ditahan di seluruh institusi penjara adalah seramai 66,363.

Bagi pecahan warganegara pula, seramai 52,806 orang adalah warga Malaysia iaitu 35,986 Melayu, 4,761 Cina, 6,585 India dan 5,474 lain-lain bangsa. Manakala 13,557 lagi adalah penghuni warga negara asing. Daripada jumlah ini, seramai 62,201 adalah lelaki manakala 4,162 adalah wanita.

Bagi kategori umur pula, seramai 62,684 orang adalah penghuni dewasa iaitu berumur 21 tahun ke atas, manakala seramai 3,679 orang adalah penghuni muda yang berumur 21 tahun ke bawah.

Berdasarkan rekod Jabatan Penjara Malaysia, tempoh reman yang paling lama adalah 5 tahun. Penahanan tersebut berasaskan waran menahan yang sah dari Mahkamah. Jabatan Penjara Malaysia dari masa ke semasa akan mengemukakan maklumat berhubung kedudukan tahanan reman kepada Jabatan Peguam Negara dan Mahkamah bagi mempercepatkan perbicaraan kes mereka.